



PERBADANAN LABUAN

PETI SURAT 81245

87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL/(S)121/2013(JPK)
TARIKH : 05 DISEMBER 2013

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM (CIDB))** dalam **Gred G1 Kategori CE dan Pengkhususan CE21** yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:

“KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN ASPAL DI JALAN BUNGA MELATI (KAWASAN STESEN BAS LAMA), W.P. LABUAN”

2. Dokumen sebut harga berharga **RM 5.00** (tidak dikembalikan) boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Kaunter Bayaran, Tingkat 1, Wisma Perbadanan Labuan** mulai **16.12.2013** sehingga **31.12.2013**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas/ daripada tarikh yang dinyatakan.
3. Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan/ atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**
4. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat / lawatan tapak pada **12.12.2013**. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri di **Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan, Tingkat 7, Menara Perbadanan Labuan** pada hari tersebut sebelum jam **9.30 pagi**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual kepada kontraktor yang gagal menghadiri lawatan tapak.
5. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga No. 1 di Tingkat 2, Wisma Perbadanan Labuan** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **06.01.2014**. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
6. Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri dan bayaran pembelian dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(ERNIE BT. MOHAMAD)
b.p Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan